

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI  
(HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR)** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pencari suaka dan pelarian di Malaysia serta adakah Kerajaan telah membuat keputusan muktamad dalam soal membenarkan pelarian dari luar negara untuk bekerja di Malaysia.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees - UNHCR*) sehingga 31 Julai 2021, terdapat seramai 179,455 pelarian dan pemohon suaka di Malaysia dari 56 buah negara. Daripada jumlah ini, seramai 129,886 orang merupakan pelarian dan 49,569 orang adalah pemohon suaka.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Isu mengenai kebenaran bekerja ini sedang diteliti di bawah Jawatankuasa Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 23: Mekanisme Pengurusan Pemandang Asing Tanpa Izin Yang Memegang Kad UNHCR

## SOALAN NO : 44

(2009) yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN – JPM).

3. Dalam tindakan berkaitan Arahan No. 23, MKN bersama Kementerian dan Agensi yang berkaitan sedang melaksanakan semakan semula, menambahbaik serta memperkemaskan dasar dan mekanisme pengurusan ke atas Pelarian dan Pemohon Suaka yang memegang Kad UNHCR. Penambahbaikan ini juga turut mengambil kira input dan pandangan daripada pelbagai pihak dan pemegang taruh agar suatu dasar dan mekanisme yang lebih efisien dapat diwujudkan, disamping menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

4. Antara cadangan-cadangan penambahbaikan yang telah dirangka adalah membabitkan penetapan keahlian Jawatankuasa-Jawatankuasa, penyelarasan perundangan, koordinasi gerakerja, pendaftaran dan dokumentasi serta pembentukan mekanisme bagi isu-isu membabitkan kebajikan, sokongan dan kehidupan bagi tempoh sepanjang keberadaan sementara mereka di dalam negara sebelum pulang semula secara sukarela ke negara asal atau ditempatkan ke negara ketiga.

Sekian, terima kasih